



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) SARAWAK, 2025

Ekonomi Sarawak berkembang 3.6 peratus pada tahun 2025 dipacu oleh sektor Perkhidmatan

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) NEGERI SARAWAK, 2025** yang memperinci penemuan sektoral dan komposisi ekonomi di peringkat negeri.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Uzir Mahidin, "Ekonomi Sarawak berkembang 3.6 peratus pada tahun 2025 dengan nilai KDNK mencecah RM153.5 bilion berbanding RM148.2 bilion pada tahun sebelumnya."

Dari aspek komposisi ekonomi Sarawak pada tahun 2025, sektor Perkhidmatan memacu ekonomi negeri ini dengan sumbangan sebanyak 39.3 peratus. Seterusnya, sektor Pembuatan serta Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 24.9 peratus dan 20.9 peratus. Sektor Pertanian pula mencatatkan sumbangan sebanyak 10.2 peratus, diikuti oleh sektor Pembinaan yang menyumbang 4.2 peratus.

Sektor Perkhidmatan berkembang 5.4 peratus dengan merekodkan nilai ditambah RM60.4 bilion berbanding RM57.3 bilion pada tahun 2024. Pertumbuhan positif sektor ini dipacu oleh subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT serta Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan yang meningkat masing-masing 6.8 peratus dan 6.0 peratus.

Sektor Pembuatan di Sarawak, yang merupakan penyumbang kedua terbesar, berkembang marginal 0.1 peratus (2024: 1.3%) dengan nilai ditambah berjumlah RM38.2 bilion pada 2025. Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan positif dalam Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan & prosesan makanan yang berkembang 9.1 peratus berbanding 2.8 peratus pada tahun 2024. Selain itu, produk Elektrik, elektronik dan optikal kembali pulih dengan mencatatkan pertumbuhan 3.5 peratus (2024: -1.7%). Walau bagaimanapun, subsektor Produk petroleum, kimia, getah dan plastik mencatatkan penyusutan 0.5 peratus berbanding peningkatan 1.3 peratus pada 2024.

Seterusnya, sektor Perlombongan dan pengkuarian turut merekodkan pertumbuhan positif sebanyak 2.7 peratus (2024: 4.8%). Prestasi ini dipacu oleh subsektor Gas asli yang berkembang 0.7 peratus (2024: 5.4%). Sementara itu, subsektor Minyak mentah dan kondensat menunjukkan lonjakan ketara daripada 2.0 peratus kepada 11.0 peratus pada tahun 2025.

Beralih kepada sektor Pertanian, ia mengukuh 4.3 peratus berbanding marginal 0.1 peratus yang direkodkan tahun 2024 dengan nilai ditambah sebanyak RM15.7 bilion. Peningkatan ini disokong oleh subsektor Tanaman yang meningkat 4.9 peratus, terutamanya Kelapa sawit serta Tanaman makanan.

Sementara itu, sektor Pembinaan Sarawak berkembang 10.9 peratus berbanding 14.7 peratus pada 2024. Pertumbuhan sektor ini didorong oleh pengembangan berterusan dalam subsektor Kejuruteraan awam sebanyak 28.6 peratus (2024: 28.2%). Walau bagaimanapun, subsektor Aktiviti pertukangan khas menguncup 17.3 peratus berbanding peningkatan 49.5 peratus pada tahun 2024.


Dari aspek KDNK per kapita, Sarawak mencatatkan RM73,757 iaitu peningkatan sebanyak RM504 daripada RM73,253 pada tahun sebelumnya, sekali gus melepasi nasional (RM59,167).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: KDNK Sarawak, sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
1 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SARAWAK GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025

Sarawak's economy grew by 3.6 per cent in 2025, driven by the Services sector

PUTRAJAYA, 1ST JULY 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the **SARAWAK GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025** which highlighted the insights of economic sectoral and structure at the state level.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The GDP of Sarawak grew to 3.6 per cent in 2025 with a GDP value of RM153.5 billion, as compared to RM148.2 billion in the previous year."

In terms of the composition of the Sarawak economy in 2025, the Services sector drove the state's economy with a contribution of 39.3 per cent. Next, the Manufacturing and Mining & quarrying sectors contributed 24.9 per cent and 20.9 per cent respectively. The Agriculture sector recorded a contribution of 10.2 per cent, followed by the Construction sector which contributed 4.2 per cent.

The Services sector expanded by 5.4 per cent, recording a value added of RM60.4 billion as compared to RM57.3 billion in 2024. This positive growth was driven by the Utilities, transportation & storage and ICT subsectors, as well as the Wholesale & retail trade, food & beverage and accommodation subsectors, which increased by 6.8 per cent and 6.0 per cent respectively.

The Manufacturing sector in Sarawak which is the second-largest contributor, grew marginally by 0.1 per cent (2024: 1.3%), recording a value added of RM38.2 billion in 2025. This increase was driven by positive growth in the Vegetable and animal oils & fats and food processing, which expanded by 9.1 per cent as compared to 2.8 per cent in 2024. Additionally, the Electrical, electronic and optical products rebounded, recording a growth of 3.5 per cent (2024: -1.7%). However, the Petroleum, chemical, rubber, and plastic products recorded a contraction of 0.5 per cent, compared to an increase of 1.3 per cent in 2024.

Next, the Mining & quarrying sector also recorded positive growth of 2.7 per cent (2024: 4.8%). This performance was driven by the Natural gas subsector, which expanded by 0.7 per cent (2024: 5.4%). Meanwhile, the Crude petroleum and condensate subsector showed a significant surge, jumping from 2.0 per cent to 11.0 per cent in 2025.

Turning to the Agriculture sector, it strengthened by 4.3 per cent as compared to a marginal 0.1 per cent recorded in 2024, with a value added of RM15.7 billion. This increase was influenced by the Crops subsector, which rose by 4.9 per cent, particularly in Oil palm and Food crops.

Meanwhile, the Sarawak Construction sector expanded by 10.9 per cent as compared to 14.7 per cent in 2024. The growth of this sector was driven by the continuous expansion in the Civil engineering subsector by 28.6 per cent (2024: 28.2%). However, the Special trade activities contracted by 17.3 per cent, compared to an increase of 49.5 per cent in 2024.


In terms of GDP per capita, Sarawak recorded RM73,757, an increase of RM504 from RM73,253 in the previous year, thus surpassing the national level (RM59,167).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “*Data Nadi Ekonomi Rakyat*”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Sarawak's GDP, contribution and growth by sector, 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
1 JULY 2026**